**Kuala Lumpur:** Kementerian Kewangan mengesahkan terdapat kes tertentu menunjukkan kos rawatan lebih tinggi dikenakan ke atas pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL), berbanding pesakitit yang membayar dahulu dan membuat tuntutan kemudian (*pay-and-claim*).

***Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying*** berkata, ia berdasarkan kajian dibuat ke atas bil tuntutan hospital swasta kepada syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO).

"Berikutan caj dikenakan kurang telus, kajian lebih terperinci perlu dijalankan untuk memahami dengan lebih lanjut isu perbezaan caj ini dan langkah susulan yang boleh diambil.

"Kerajaan peka terhadap isu ini, termasuk terhadap pengalaman rakyat yang disuarakan pada Sesi Pendengaran Awam yang dilaksanakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)," katanya.

Beliau menjawab soalan ***Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru)*** mengenai senarai 10 jenis penyakit paling kerap dituntut dalam insurans perubatan oleh rakyat Malaysia dan perbezaan caj hospital swasta mengikut bayar dahulu dan tuntut kemudian serta GL.

Pada Disember tahun lalu, Ahli Parlimen PKR dalam kenyataan bersama berkata, caj perubatan yang berbeza sehingga empat kali ganda dikesan berlaku antara pemegang insurans dan pesakit yang membayar tunai.

Kenyataan oleh Tze Tzin, Jimmy Pua (Tebrau), Taufiq Johari (Sungai Petani), Chiew Choon Mun (Miri) dan R Yuneswaran (Segamat) serta Bob Manolan memaklumkan perkara itu didedahkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam taklimat kepada Ahli Parlimen.

Sebagai contoh katanya, pesakit denggi yang menggunakan GL akan membayar RM4,978, manakala pesakit *pay and claim* hanya membayar RM1,288.

Mengulas lanjut, Hui Ying berkata, kerajaan melalui KKM dengan kerjasama semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian Kewangan, hospital swasta dan pihak ITO sedang mencari penyelesaian jangka panjang berhubung isu caj perubatan itu.

"Kerajaan akan mengutamakan reformasi kesihatan yang menyeluruh untuk menangani isu inflasi kos perubatan dan caj di hospital swasta, termasuk meningkatkan kos ketelusan ubat-ubatan serta kos perubatan lazim.

"Pelan tindakan bersepadu ini sudah pun dibentangkan ke PAC, semalam (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, Hui Ying memaklumkan berdasarkan dapatan awal pangkalan data tuntutan bersepadu industri insurans dan takaful, antara jenis penyakit yang mencatatkan kekerapan tuntutan tinggi bagi rawatan di hospital pada 2023 di bawah insuran dan takaful perubatan dan kesihatan, termasuk pneumonia, masalah berkaitan tulang belakang, masalah sistem pencernaan, penyakit jantung serta kecederaan sendi dan ligamen, seperti dislokasi dan terseliuh.

Selain itu, penyakit apendiks akut, jangkitan virus dan influenza, masalah lain berkaitan saluran pernafasan, penyakit berkaitan telinga hidung dan tekak serta demam.

HARIAN METRO
Tarikh: 27 FEB 2025

# Sedia tong sampah kecil dalam kenderaan awam

Oleh Nor Tasnim Syahera Rasak
bhrencana@bh.com.my

BH 27/2



Pensyarah Jabatan Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar

**Gejala** buang sampah dari kenderaan masih berleluasa di negara ini, sekali gus menyumbang kepada pencemaran jalan raya dan persekitaran.

Secara umumnya, rakyat Malaysia membuang 36,699 tan sampah setiap hari dengan purata 1.17 kilogram sisa pepejal bagi setiap individu.

Walaupun statistik khusus mengenai buang sampah dari kenderaan sukar diperoleh, pemerhatian menunjukkan sikap ini menyumbang kepada masalah kebersihan dan mencerminkan tahap kesedaran sivik masih rendah.

Ia bukan hanya mencemarkan jalan raya, bahkan turut menyumbang kepada masalah sistem saliran tersumbat, mengancam hidupan liar dan memberikan imej buruk kepada negara.

Antara faktor utama kepada gejala ini adalah sikap tidak peduli masyarakat. Ramai pemandu dan penumpang tidak menganggap membuang sampah dari kenderaan sebagai satu kesalahan serius, sebaliknya beranggapan sampah kecil seperti plastik pembungkus makanan dan tisu tidak memberi kesan besar terhadap alam sekitar.

Kurangnya pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebersihan persekitaran turut menyumbang kepada masalah ini.

Malah, kekurangan kemudahan dalam kenderaan seperti tong sampah khas juga menyebabkan ada memilih jalan mudah dengan membuang sampah keluar tingkap.

Walaupun penggunaan beg sampah kecil dalam kenderaan boleh menjadi alternatif, ia belum menjadi kebiasaan dalam kalangan pemandu dan penumpang.

Walaupun terdapat peraturan melarang pembuangan sampah merata-rata, ia dianggap kurang berkesan. Tidak hairanlah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kelantan mengeluarkan amaran mana-mana pengguna jalan raya didapati membuang sampah dari kenderaan boleh didenda hingga RM2,000 atau penjara maksimum enam bulan, namun kejadian sama masih berulang.

Perlu diakui kesukaran mengesan pesalah kerana dilakukan semasa kenderaan bergerak menjadikan tindakan undang-undang sukar dikuatkuasakan.

Lebih membimbangkan, wujud budaya 'bukan tanggungjawab saya' dalam masyarakat yang menganggap tugas membersihkan sampah adalah tugas pihak berkuasa atau pekerja pembersihan.

Tanggapan sebegini bukan sahaja menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab, malah membentuk tabiat negatif yang akhirnya akan berterusan daripada generasi ke generasi.

Akibat sikap ini, pencemaran alam semakin memburuk apabila sampah dibuang berisiko menyumbat longkang, mencemari sungai dan mengancam hidupan liar.

Pelancong asing mungkin melihat tahap kebersihan rendah sebagai cerminan sikap masyarakat kurang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Bagi menangani masalah ini, kempen kesedaran berterusan perlu dijalankan lebih agresif. Media sosial, papan tanda di lebuh raya dan mesej peringatan dalam aplikasi navigasi boleh digunakan untuk mendidik kepentingan menjaga kebersihan jalan raya.

Penguatkuasaan undang-undang lebih tegas perlu dilaksanakan, termasuk mengenakan denda lebih tinggi dan memanfaatkan teknologi seperti kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan strategik untuk mengesan pesalah.

Kerajaan boleh memberikan insentif kepada orang awam melaporkan pesalah sebagai usaha meningkatkan pematuhan peraturan.

Dalam jangka panjang, pendidikan dan normalisasi tabiat baik perlu diterapkan sejak kecil supaya masyarakat lebih peka terhadap kebersihan alam sekitar.

Pihak sekolah boleh memperkenalkan program kesedaran mengenai kesan negatif pembuangan sampah dari kenderaan, manakala syarikat pengangkutan awam dan teksi boleh menjadi contoh dengan menyediakan tong sampah kecil dalam kenderaan.

BERITA HARIAN
Tarikh 27 FEB 2025

# Kos rawatan lebih tinggi guna GL

Kajian Kementerian Kewangan mendedahkan, terdapat kes tertentu menunjukkan kos rawatan lebih tinggi dikenakan ke atas pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL), berbanding membayar dahulu dan membuat tuntutan kemudian (pay-and-claim). Berdasarkan bil tuntutan hospital swasta kepada syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO), 10 jenis penyakit catat kekerapan tuntutan tinggi pada 2023, sekali gus memerlukan penyelesaian jangka panjang bagi tangani isu caj perubatan.

***Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin***

→ ***Nasional* 5**

BH 27/2 (1)



BERITA HARIAN
Tarikh 27 FEB 2025

# 10 jenis penyakit rekod tuntutan tinggi bagi rawatan di hospital

BH 27/2

## Kajian hasil dapatan berdasar pangkalan data industri insurans dan takaful

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Satu kajian Kementerian Kewangan mendapati sekurang-kurangnya 10 jenis penyakit yang merekodkan kekerapan tuntutan yang tinggi bagi rawatan di hospital pada 2023 di bawah insurans dan takaful perubatan dan kesihatan.

Penyakit itu ialah pneumonia, masalah berkaitan tulang belakang, masalah sistem pencernaan, penyakit jantung serta kecederaan sendi dan ligamen, seperti dislokasi dan terseliuh.

Selain itu, penyakit apendiks akut, jangkitan virus dan influenza, masalah lain berkaitan saluran pernafasan, penyakit berkaitan telinga hidung dan tekak serta demam.

**Caj rawatan guna GL tinggi**

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata ia adalah hasil dapatan awal kajian kementerian berdasarkan dapatan awal pangkalan data tuntutan bersepadu industri insurans dan takaful.

Menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) di Dewan Rakyat semalam, Hui Ying berkata, kajian juga mendapati hospital mengenakan caj rawatan lebih tinggi ke atas pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL), berbanding pesakit yang membayar dahulu dan membuat tuntutan kemudian (*pay-and-claim*).

Katanya ia berdasarkan kajian dibuat ke atas bil tuntutan hospital swasta kepada pihak syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO).

"Berikutan caj yang dikenakan kurang telus, kajian lebih terperinci perlu dijalankan untuk memahami dengan lebih lanjut isu perbezaan caj ini dan langkah susulan yang boleh diambil.

"Kerajaan peka terhadap isu ini, termasuk terhadap pengalaman rakyat yang disuarakan pada Sesi Pendengaran Awam yang dilaksanakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini," katanya.

Pada Disember tahun lalu, Ahli Parlimen PKR dalam kenyataan bersama, berkata caj perubatan yang berbeza sehingga empat kali ganda dikesan berlaku antara pemegang insurans dan pesakit yang membayar tunai.

Kenyataan oleh Tze Tzin, Jimmy Pua (Tebrau), Taufiq Johari (Sungai Petani), Chiew Choon Mun (Miri) dan R Yuneswaran (Segamat) serta Senator Bob Manolan itu, memaklumkan perkara itu didedahkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu taklimat kepada Ahli Parlimen.

Sebagai contoh katanya, pesakit denggi yang menggunakan GL akan membayar RM4,978, manakala pesakit 'pay and claim' hanya membayar RM1,288.

Mengulas lanjut, Hui Ying berkata, kerajaan melalui KKM dengan kerjasama semua pihak berkepentingan, termasuk Kementerian Kewangan, hospital swasta dan pihak ITO sedang mencari penyelesaian jangka panjang berhubung isu caj perubatan itu.

> Berikutan caj yang dikenakan kurang telus, kajian lebih terperinci perlu dijalankan untuk memahami dengan lebih lanjut isu perbezaan caj ini dan langkah susulan yang boleh diambil
>
> *Lim Hui Ying,*
> *Timbalan Menteri Kewangan*



**10 jenis penyakit catat kekerapan tuntutan tinggi rawatan hospital pada 2023**



1. Pneumonia
2. Masalah berkaitan tulang belakang
3. Masalah sistem pencernaan
4. Penyakit jantung
5. Kecederaan sendi dan ligamen seperti dislokasi serta terseliuh
6. Penyakit apendiks akut
7. Jangkitan virus dan influenza
8. Masalah berkaitan saluran pernafasan
9. Penyakit berkaitan telinga hidung dan tekak
10. Demam

Infografik BH

BERITA HARIAN
Tarikh 27 FEB 2025 5

# 250,000 kes kanser dilapor sejak 2017 hingga 2023

BH 27/2

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 250,000 kes kanser dilaporkan sejak 2017 hingga 2023, sekali gus menjadi punca kematian ketiga tertinggi di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata mengikut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia tahun lalu, peratusan kematian akibat kanser meningkat daripada 12.6 peratus pada 2022 kepada 13.8 peratus pada 2023.

Katanya, sebagai langkah proaktif, Kementerian Kesihatan (KKM) memperkenalkan Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan 2025-2030 untuk memperkukuh aktiviti pencegahan, saringan, rawatan dan kawalan penyakit paru-paru.

"Selain kanser paru-paru, inisiatif ini turut merangkumi Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik (COPD), asma dan tuberkulosis.

"Kanser bukan sekadar statistik, ia adalah realiti yang menjejaskan kehidupan ramai rakyat negara ini dan KKM mengenal pasti lima jenis kanser utama yang dilaporkan, iaitu kanser payudara, kolorektal, paru-paru, limfoma dan hati," katanya sempena Hari Kanser Sedunia 2025 yang bertemakan 'Penyatuan dalam Keunikan', di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan; Presiden Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Datuk Dr Saunthari Somasundaram dan Pengarah Urusan NSCM, Prof Madya Dr Murallitharan Munisamy.

Pada majlis itu, dua Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai dengan kerjasama membabitkan 22 rakan strategik, iaitu Inisiatif Kesihatan Paru-paru Malaysia dan Perkhidmatan Berhenti Merokok (mQuit Services Fasa 4).

Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Malaysia lebih bersifat pencegahan, promosi dan saringan awal, manakala Perkhidmatan Berhenti Merokok mengutamakan memperkukuh program berhenti merokok, iaitu langkah utama dalam mencegah kanser paru-paru.

Dr Dzulkefly berkata, negara juga komited dalam memperkukuh kawalan kanser dan kesihatan paru-paru di rantau ini memandangkan negara akan menjadi Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN 2026 (AHMM 2026).

"Malaysia akan membawa Resolusi Kesihatan Paru-Paru ke Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) 2025 dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan 14 negara anggota lain.

"Langkah ini bertujuan menjadikan kesihatan paru-paru sebagai agenda kesihatan global utama serta menggalakkan pelaburan lebih besar dalam saringan dan rawatan kanser paru-paru," katanya.




*Dr Dzulkefly pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Kanser Sedunia 2025 di Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)


BERITA HARIAN
Tarikh 27 FEB 2025




# MBSA anjur pertandingan gerai bersih

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan pertandingan gerai bersih tahun lalu bagi mempromosikan kebersihan dan kesihatan awam di kalangan peniaga gerai di bawah kawasan pentadbirannya.

Sebanyak 15 lokasi gerai MBSA melibatkan 225 peniaga bersaing merebut hadiah dalam dua kategori, iaitu kategori Keseluruhan Gerai Bersih dan kategori Gerai Bersih Individu.

■ EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, Mohd. Najwan Halimi bergambar bersama pemenang gerai terbersih di Pusat Konvensyen MBSA di Seksyen 13 di Shah Alam baru-baru ini.

UM 27/2

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 FEB 2025

# Setiap penduduk Selangor menggunakan 260 liter air sehari

um 27/2

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my



AMIRUDIN Shari pada penggulungan perbahasan menjunjung titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Sidang DUN Selangor Ke-15, di Shah Alam, semalam.

**SHAH ALAM:** Kadar penggunaan air bagi setiap individu di Selangor direkodkan sebanyak 260 liter sehari, 40 liter lebih tinggi berbanding penggunaan diperingkat kebangsaan.

Ia meningkat berbanding 217 liter sehari seperti pernah dilaporkan pada Mac 2023 dalam kalangan lebih 9 juta penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim berkata, kadar penggunaan itu melibatkan penggunaan pelbagai tujuan termasuk membasuh, menyiram pokok dan sebagainya.

"Berbanding seluruh negara, kita tertinggi, kalau tak silap sekitar 260 liter sedangkan di peringkat nasional 220 liter," katanya dalam sesi soal jawab lisan pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-15, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Michelle Ng Mei Sze yang meminta penjelasan berkenaan cara mencapai sasaran penggunaan 160 liter sehari seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

ADUN Pandan Indah itu menjelaskan, perbandingan dengan saranan WHO itu perlu dilihat daripada segi infrastruktur dan penggunaan air dalam kalangan penduduk, selain amalan dilakukan di negara lain.

"Di negara kita, air untuk minum dibazirkan (digunakan) juga untuk perkara tidak sepatutnya seperti basuh kereta.

"Bila kita hendak menggunakan air untuk basuhan, kita perlukan paip yang kedua, tetapi kosnya terlalu tinggi. Di negara lain mereka sudah asingkan untuk tandas dan pembersihan adalah berbeza dengan air minum.

"Kiraan kita kena betul, adalah 160 liter itu untuk kegunaan minum atau termasuk semua jenis kegunaan," tambahnya.

Terdahulu ADUN Gombak Setia, Hilman Idham meminta penjelasan berhubung rizab dan margin air di Selangor yang dikatakan rendah ketika ini.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 FEB 2025

# ‘Bukan masalah denda, tetapi tiada penguatkuasaan’

**SHAH ALAM:** Tindakan penguatkuasaan perlu diambil terus oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pejabat daerah dan tanah (PDT) terhadap individu yang terlibat dalam aktiviti melupuskan sampah secara haram.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Datuk Harrison Hassan berkata, tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan terus isu tapak pelupusan sampah haram di negeri ini terutama dekat Kampung Seri Sentosa di Ijok, Kuala Selangor yang didapati semakin melebar.

Menurutnya, kompaun atau denda dikenakan tidak akan berkesan dan tapak pelupusan sampah haram itu pasti akan kembali beroperasi.

“Tetapi, kerajaan negeri kena ada political will, itu kena buat, bukan sahaja di Jeram bahkan di tempat lain, termasuk di kawasan Jeram.

“Tidak boleh sita dan kompaun kerana ada loophole di setiap PDT, pemilikan tanah mesti diketahui, siapa tuan tanah. Apabila tuan tanah membenarkan tanahnya dilonggokkan sampah dan sebagainya, dalam undang-undang boleh buat lebih daripada menyita.

“Sitaan dilakukan cuma letak pita. Kerajaan negeri kena tegas, saya sebagai ADUN bersama penduduk sudah berkali-kali pergi buat aduan,” katanya.

Beliau kesal kerana perkara itu sudah tiga kali dibangkitkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada tahun lalu, namun tiada penyelesaian walaupun berterusan dilaporkan di dalam akhbar.

Isnin lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dilapor menyatakan peningkatan denda atau hukuman terhadap pihak terlibat dalam pelupusan sampah secara haram didakwa tidak menyelesaikan masalah tersebut.

Situasi sama berlaku terhadap pihak tidak bertanggungjawab yang terlibat dengan aktiviti pencemaran sungai walaupun selepas pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 dikuatkuasakan pada 2020.

Justeru, Harrison memberitahu, lebih dikesalkan apabila tapak pelupusan sampah haram di kawasannya itu terletak bersebelahan jalan utama iaitu Jalan Sungai Buloh - Kuala Selangor sepanjang kira-kira 2.5 kilometer.

“Kawasan seperti di Kampung Seri Sentosa itu, ia di tepi jalan bukannya dalam hutan, sesiapa pun boleh nampak. Kita boleh nampak pita itu dibuat, lepas seminggu habis.

“Masakan kita hendak harapkan penduduk bawa keluar kayu, parang dan sebagainya. Itu masalah dan ia berlarutan,” tegasnya.

Baru-baru ini akhbar melaporkan tapak pelupusan sampah yang beroperasi lebih 10 tahun dekat Kampung Seri Sentosa itu semakin melebar sehingga melebihi 52 hektar.

Lebih teruk lagi, bau busuk terutama ketika hujan begitu ketara selain limpahan airnya yang mengalir ke Sungai Buloh dan debu tebal ketika cuaca panas mengotorkan rumah, premis perniagaan dan jalan raya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 FEB 2025

# Sijil SPM penting dalam ekosistem pendidikan nasional

UM 27/2

**SIJIL** Pelajaran Malaysia (SPM) terus menjadi elemen penting dalam ekosistem pendidikan negara, bukan sekadar sebagai penilaian akademik tetapi juga sebagai simbol pencapaian yang membuka pelbagai peluang masa hadapan. Dalam konteks ini, SPM berfungsi sebagai penanda aras utama yang mencerminkan tahap pendidikan pelajar selepas 11 tahun berada dalam sistem persekolahan formal.

Malah, ia juga menjadi syarat minimum untuk memasuki pasaran kerja di banyak sektor.

Selain itu, SPM berfungsi sebagai alat untuk menilai literasi dan numerasi pelajar untuk membina tenaga kerja kompeten. Walaupun begitu, cabaran tetap wujud apabila seramai 24,228 calon tidak hadir menduduki peperiksaan pada tahun lalu.

Walaupun penting, SPM menjadi subjek perdebatan. Antaranya isu kualiti pendidikan Malaysia yang masih ketinggalan berbanding negara jiran seperti Singapura dan Vietnam.

Walaupun terdapat kritikan, SPM masih relevan sebagai penanda aras pendidikan formal. Ia memberikan struktur kepada sistem pendidikan negara dan menyediakan asas untuk penilaian pencapaian pelajar. Tanpa sijil seperti SPM, ramai pelajar mungkin tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pengajian atau mendapatkan pekerjaan yang stabil.

Namun begitu, relevansi SPM perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Generasi muda kini mempunyai akses kepada pelbagai laluan alternatif selain daripada laluan akademik tradisional. Contohnya, program latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan latihan vokasional. Oleh itu, SPM perlu dilengkapkan dengan pendekatan pendidikan yang lebih inklusif dan fleksibel.

Bagi memastikan keberkesanan SPM terus relevan dalam era moden, beberapa langkah strategik perlu diambil bagi memperkasa sistem pendidikan negara. Pertama, pemodenan kurikulum perlu dilaksanakan dengan menyesuaikan kandungan pendidikan kepada keperluan semasa. Ini termasuk memperkenalkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan literasi digital agar pelajar lebih bersedia menghadapi cabaran dunia moden. Selain itu, program literasi dan numerasi perlu diperkenalkan lebih awal sebagai langkah intervensi untuk menangani isu keciciran akademik yang sering berlaku dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, peningkatan infrastruktur sekolah, terutamanya di kawasan pedalaman penting untuk memastikan kemudahan yang setara dengan sekolah di kawasan bandar. Langkah ini dapat mengurangkan jurang pendidikan antara pelajar bandar dan luar bandar serta memberi peluang sama rata kepada semua pelajar. Di samping itu, pendekatan pendidikan holistik perlu diberi perhatian dengan menekankan bukan sahaja pencapaian akademik tetapi juga pembangunan sahsiah pelajar. Pendekatan ini mampu melahirkan individu yang lebih seimbang dan bersedia untuk menghadapi cabaran global.

Akhir sekali, akses kepada laluan alternatif seperti program TVET dan latihan vokasional perlu ditingkatkan.

**NORDIANA MOHD. NORDIN**
**dan NURUL NISHA MOHD. SHAH**
Universiti Teknologi Mara (UiTM),
Kampus Rembau



**SIJIL Pelajaran Malaysia (SPM) berfungsi sebagai alat untuk menilai literasi dan numerasi pelajar iaitu elemen asas untuk membina tenaga kerja kompeten.**

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 27 FEB 2025

42 LOCATIONS

NST 27/2 (DBKL)

# City Hall warns bazaar traders against selling lots

**KUALA LUMPUR:** City Hall issued a stern warning that it will take action against Ramadan and Aidilfitri bazaar stallholders found selling their lots to others.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said City Hall would deploy 600 personnel across 42 Ramadan and Aidilfitri bazaars to conduct 24-hour surveillance.

She added that this year's Ramadan and Aidilfitri bazaars must be well organised to help small traders, and City Hall's efforts should be supported in line with the aspirations of the Madani government.

"However, we have not received any complaints regarding attempts to sell these bazaar stalls to third parties.

"It is understood that the stalls are almost fully booked, and if there are any illegal sales activities, the public is encouraged to report them to City Hall and the police so that action can be taken."

She said this during a media briefing on the Ramadan and Aidilfitri Bazaars in the Federal Territories of Kuala Lumpur here yesterday.

Present was Mayor Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Zaliha said that foreign workers were prohibited from working at the stalls, and if this occurred, the security deposit paid by the stall owner will be forfeited.

"This has been stipulated in City Hall's by-laws, and the main condition set by City Hall requires food vendors to receive a typhoid vaccination to prevent the spread of disease and food poisoning," she said.

"If there are complaints of food poisoning, City Hall will investigate and if found guilty, a fine of up to RM2,000 will be imposed."

City Hall will also collaborate with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to monitor any price hikes.

According to City Hall, the rental fee for a Ramadan bazaar stall is RM500, including a RM200 deposit, while the rental for an Aidilfitri bazaar stall lot is RM2,700, including a RM2,000 deposit.

Forty-two bazaars were allocated citywide with 3,567 stalls, including Lorong Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit and others in Batu, Kepong, Segambut, Cheras and Bukit Bintang.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 27 FEB 2025

EXCLUSIVE PERKS NST 27/2

# Unlimited KL rides with MyTourist Pass




*Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof (centre) and Transport Minister Anthony Loke (second from left) with (from right) Prasarana Malaysia Bhd president and group chief executive officer Mohd Azharuddin Mat Sah, non-executive chairman Tan Sri Jamaludin Ibrahim and board member Dr Nor Fuad Abdul Hamid at the official launch of MyTourist Pass.* PIC FROM PRASARANA

**KUALA LUMPUR:** Exploring Kuala Lumpur has never been easier with the newly launched MyTourist Pass, offering unlimited access to the city's extensive public transport network.

Designed to enhance the travel experience for both Malaysians and international visitors, the pass allows seamless connectivity across key destinations via the MRT, LRT, monorail, bus rapid transit (BRT) and feeder bus services.

Whether visiting for a day or on an extended stay, the pass provides an affordable and efficient way to navigate the capital while avoiding traffic congestion. It also eliminates the hassle of buying separate tickets for different modes of transport, offering travellers much more convenience.

Beyond unlimited public transport access, the MyTourist Pass also comes with exclusive perks.

Pass holders can enjoy discounts of up to 40 per cent on entrance fees to some of Kuala Lumpur's most popular attractions. These include Menara Kuala Lumpur, Petrosains, Petronas Twin Towers, Farm In The City and Sunway Lagoon. This makes the pass an excellent choice for those keen on exploring the city's cultural and entertainment landmarks.

Visitors can also take advantage of discounts at interactive exhibitions and cultural shops for a well-rounded experience of the city's heritage and modern attractions.

Food lovers will also benefit from the pass, with discounts of 15 per cent at KFC and 10 per cent at Zus Coffee, among other participating outlets.

These savings extend to shopping centres and cultural landmarks, giving visitors more value for their money. Dining at selected local restaurants and cafes also comes with special promotions.

Discounts remain valid for up to seven days after the pass is activated, ensuring extended benefits even after a visitor's last ride.

The MyTourist Pass is available in different pricing tiers. Malaysians can purchase a pass for RM20, RM30, or RM40, depending on the duration — one, two, or three days.

International visitors can opt for passes priced at RM40, RM60, or RM80, also depending on the duration.

These prices exclude the cost of a Touch 'n Go card and the required minimum purse value. Those who need a new Touch 'n Go NFC card can purchase a bundled option for an additional RM15.

For convenience, the MyTourist Pass is available for purchase at RapidKL customer service counters at MRT and LRT stations, selected bus hubs across the city, as well as online via shop.myrapid.com.my or the MyRapid Pulse app.

The initiative, launched by Prasarana Malaysia Berhad, aligns with Malaysia's long-term tourism strategy. It supports the nation's goal of attracting 26.1 million foreign tourists by 2026, in conjunction with Malaysia's Asean Chairmanship and preparations for Visit Malaysia 2026.

With Kuala Lumpur being a major entry point for international travellers, the MyTourist Pass aims to position the city as a more accessible and budget-friendly destination, encouraging visitors to explore its vibrant offerings with ease.

It also promotes the use of public transport, reducing traffic congestion and contributing to a more sustainable urban travel experience.

For more details, visit the RapidKL website or follow its official social media channels for updates.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 27 FEB 2025